

JEJAK WARISAN PULAU PINANG - AMERICAN EXPRESS



1 Kota Cornwallis

Selamat Datang ke Jejak Warisan Pulau Pinang - American Express. Kota Cornwallis terletak di hujung George Town. Diuruskan secara persendirian, boleh dikunjungi dengan yuran masuk RM1. Kota yang menghadap ke pelabuhan ini membolehkan

anda melihat kegiatan di persisiran pantai dan sebelah timur dengan jelas. Di kawasan barat laut kota ini terdapat selaras meriam Belanda Seri Rambai sedia ada di situ sejak tahun 1603. Wanita tempatan meletakkan jambangan bunga pada laras meriam sebagai satu kepercayaan untuk meningkatkan kesuburan mereka. Pada tahun 2000 kota ini telah dibaik-pulih dan sebahagian dari parit telah dibina semula.

Bangunan Dewan Undangan


Bangunan Dewan Undangan Negeri yang tersergam indah terletak di sepanjang Lebuh Light di sebelah selatan Padang. Senibina keseluruhan bangunan ini begitu menarik, terutamanya rekaan anjung ala-Greek yang dibina pada pertengahan abad ke-19 dan ia pernah digunakan sebagai Balai Polis. Dari Kota Cornwallis, anda boleh berjalan kaki menyusuri Esplanade menghala ke Dewan Bandaraya yang terletak hanya di seberang Padang. Esplanade ini sangat terkenal di kalangan penduduk tempatan untuk bersiar-siar di waktu petang. Berhampiran dengan bangunan Dewan Bandaraya terdapat sebaris pusat penjaja di tepi pantai yang sesuai untuk anda melapangkan fikiran sambil menikmati juadah.



2 Dewan Bandaraya

Keindahan Dewan Bandaraya ini bagaikan permata yang menghiasi suasana bandaraya ini. Dewan Majlis yang terletak di tingkat bawah bangunan ini merupakan tempat tetap 24 orang ahli Majlis Perbandaran bersidang. Tugu kecil yang didirikan di

Esplanade merupakan sebuah Tugu Peringatan, bagi memperingati mangsa Perang Dunia I.



3 Dewan Bandaran

Dewan Bandaran, seperti Dewan Bandaraya mempunyai sebuah anjung yang menghadap ke padang. Pada zaman dahulu, golongan elit pernah berkumpul di anjung bangunan Majlis Perbandaran untuk melihat perarakan serta permainan yang dilangsungkan di bawah. Air pancuran binaan abad ke-19 yang terletak bersebelahan Dewan Bandaran merupakan salah satu daripada tugu peringatan zaman Victoria. Ia dibina hasil sumbangan drama Koh Seang

Tat yang tinggal di belakang Dewan Bandaran. Beliau tinggal di sebuah kediaman indah yang sekarang ini merupakan tapak Dewan Sri Pinang. Koh Seang Tat pernah menyambut kedatangan Duke of Edinburgh dalam tahun 1869 dan sejak itulah kediamannya dikenali sebagai Rumah Edinburgh dan jalan yang menghala ke kawasan ini dinamakan Lebuh Duke. Dari pancuran ini, teruskan perjalanan melalui lorong kaki dan pastikan anda sentiasa di sebelah kanan Lebuh Light.




4 Bangunan Mahkamah

Bangunan ini kini menempatkan Mahkamah Tinggi. Sebuah tugu yang dikenali sebagai Tugu Logan terletak di halaman bangunan ini. Logan yang meninggal dunia pada tahun 1869 disifatkan sebagai seorang peguam yang bijak dan mahir dan beliau juga merupakan seorang pakar sains etnik yang telah mengasaskan sastera di negeri jajahan ini. Selain daripada seorang peguam yang berani, cendekiawan yang berbhawia, Logan juga merupakan pengarang 'Pinang Gazette' dan pengasas 'Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia', yang diterbitkan dalam 27 volum. Jurnal ini juga dikenali dengan nama 'Logan's Journals'.

Sekolah Menengah Convent Lebuh Light

Di penghujung jalan ini terletak Sekolah Menengah Convent Lebuh Light, atau Convent of The Holy Infant Jesus, iaitu sebuah sekolah perempuan yang diasaskan oleh pendakwah wanita Kristian berbangsa Perancis dalam tahun 1852. Di ruang dalam kompleks bangunan ini pula terletak sebuah bangunan yang tertua di George Town iaitu banglo Francis Light yang di bina sekitar tahun 1793. Oleh kerana ia merupakan pusat pentadbiran Pulau Pinang pada awal kurun ke-19, bangunan ini telah dinamakan 'Rumah Kerajaan'. Pengasas Singapura iaitu Stamford Raffles bekerja di sini dari tahun 1805 hingga tahun 1810 sebagai Timbalan Setiausaha kepada Gabenor Pulau Pinang. Pihak Convent yang mengambil alih tapak tersebut selepas itu telah membina sebuah gereja kecil, tempat tinggal untuk paderi wanita, sebuah rumah anak yatim, sebuah asrama dan beberapa bilik darjah. Kini ia merupakan sebuah sekolah dalam bandar yang terpenting di Pulau Pinang dan sebuah kompleks sekolah yang tertua di negara ini. Ia masih berdiri megah walaupun usianya telah mencecah hampir satu setengah abad.

Apabila anda keluar dari kawasan Convent ini anda akan memasuki Lebuh Farquhar.



5 Muzium Negeri

Jika anda berjalan mengelilingi Bangunan Mahkamah Agung anda akan melihat bangunan dengan menara berkembar iaitu Cathedral of The Assumption, dibina dalam tahun 1860. Perhentian anda yang seterusnya adalah Muzium Negeri yang

menganakan RM1 yuran masuk. Muzium hanya mengisi separuh ruang bangunan, kerana bahagian timurnya musnah semasa pengomboman dalam Perang Dunia Kedua. Tugu Francis Light yang berdiri di hadapan Muzium ini dibina berasaskan potret wajah anak lelakinya iaitu William Light, pengasas Adelaide.

Gereja St George

Gereja St George bertarikh 1818 terletak di sudut Lebuh Farquhar dan Jalan Masjid Kapitan Keling. Bangunan ini telah direkabentuk oleh Kapten Robert Smith, seorang jurutera tentera. Lukisan minyak yang menggambarkan Pulau Pinang pada zaman awalnya dipamerkan di muzium. Ini adalah Gereja Anglikan yang tertua di negara ini, dibina berdasarkan binaan sebuah gereja yang lebih besar di Madras. Di hadapan gereja ini terletak satu lagi memorial peringatan Francis Light yang meninggal dunia pada 21 Oktober 1794. Gereja ini mengekalkan kebanyakan bentuk asal susun aturannya.

Tokong Kuan Yin

Anda boleh meneruskan perjalanan di tepi dinding gereja ini di sepanjang Jalan Masjid Kapitan Keling (dahulu Jalan Pitt). Jalan ini diperuntukkan bagi tempo beribadat bagi berbagai bangsa yang mengamalkan berbagai adat dan budaya di Pulau Pinang. Jika anda menghala ke depan dari gereja ini, anda akan menemui sebuah tokong Cina di sebelah kanan.

Di sinilah letaknya Tokong Kuan Yin (Goddess of Mercy) yang diasaskan sebelum tahun 1800. Ia menampilkan bumbung memanjang dengan tembok atas dan rabung yang berhias indah. Ia kini merupakan sebuah tokong yang begitu popular kerana sering dikunjungi oleh golongan tua dan muda. Bangsawan atau wayangan Cina dipersembahkan di medan berlantakan granit pada setiap perayaan Kuan Yin yang diraikan tiga kali setahun.

"Little India"

Teruskan perjalanan anda dengan menyusuri Jalan Masjid Kapitan Keling dan selepas anda menemui beberapa gerai penjual tepung, lintaslaklah ke jalan menghala ke Lebuh Pasar. Disinilah terletak kawasan yang dikenali sebagai Little India di George Town. Nama ini diberi kerana di sini terdapat beberapa kedai peniaga dari India Selatan yang turut menjual makanan terutama kaum India. Anda mungkin juga ingin melihat berbagai barangan yang dijual sambil membeli barangan istimewa seperti seri, kalungan bunga, barang perhiasan, ukiran atau alat muzik India.

Kuil Sri Maha Mariamman

Menghala ke kanan ke Lebuh Queen sehingga anda sampai ke Kuil Maha Mariamman yang dibina dalam tahun 1833. Kuil ini merupakan sebuah kuil tertua di bandaraya ini. Pintu masuknya diperbuat daripada ukiran besar yang indah. Tokong Persatuan Teochew terletak di penghujung Lebuh Queen. Tokong ini merupakan sebuah tokong bagi penduduk yang berasal dari Wilayah Selatan Negeri China dan dibina pada abad ke-19. Perhatikan keindahan tiang granit dan lukisan dewa pintu bersalut emas yang sangat menarik di bahagian hadapan tokong ini. Dari Lebuh Queen, sekiranya anda menghala ke kanan dan menyusuri Lebuh Chulia, anda akan sampai ke lampu isyarat. Kemudian terus ke kiri memasuki Jalan Masjid Kapitan Keling. Di sini anda akan menemui ramaipergurup yang satu penjual barang kemas India beragama Islam. Di samping Lebuh Chulia dan Jalan Masjid Kapitan Keling terdapat sebuah bangunan empat tingkat yang merupakan kedai ubat Cina dikenali sebagai Eu Yan Sang.

Masjid Kapitan Keling

Masjid Kapitan Keling yang terletak di seberang jalan merupakan sebuah masjid berukuh kuning. Ia merupakan masjid yang terbesar di bandaraya ini, diasaskan sebelum tahun 1800. Binaan asas masjid berbentuk segiempat ini dahulunya mempunyai beranda serta bumbung berbentuk tajam dan ia telah diperbesarkan lagi beberapa kali selepas itu. Arkitek berbangsa British telah dilantik oleh Lembaga Tabung Masyarakat Islam dan Hindu untuk membina semula masjid ini dalam tahun 1916 dengan menyelitkan ciri-ciri senibina Moghul.

Jalan keliling Masjid ini mengikut arah lawan pusingan jam sehingga anda tiba di tempat mengambil wuduk. Di belakang terdapat bangunan kediaman imam dan pegawai masjid. Dari sini anda akan bertemu pula sebuah telaga lama yang menjadi tanda bagi membantu anda keluar dari kawasan ini menuju ke Lebuh Buckingham dan anda akan kembali semula ke Jalan Masjid Kapitan Keling. Tuju ke selatan menghala ke Lebuh Armenian.



6 Tokong Kongsi Yap

Ketika anda menghampiri Lebuh Armenian anda akan dapat melihat Menara Masjid Acheh tepat di hadapan anda. Sementara Tokong Kongsi Yap pula terletak di sebelah kanan. Di kiri jalan ini pula anda akan menemui sebuah kedai minuman yang terdapat pintu

masuk menuju ke Tokong Tua Pek Kong yang terletak di sebelahnya. Tokong Tua Pek Kong yang melambangkan dewa kemakmuran orang-orang Cina ini dahulunya merupakan markas kongsi gelap penduduk Cina Negeri-Negeri Selat yang dikenali sebagai Persatuan Tua Pek Kong.



7 Markas Dr Sun Yat Sen Di Pulau Pinang

Susuri lengkung Lebuh Armenian. Di sebelah kanan anda terdapat sebaris bangunan kedai yang didirikan pada awal abad ke-19. Pada ketika itu kawasan ini dihuni oleh penduduk Melayu dan Sumatra. Pada pertengahan kurun ke-19, penduduk Cina Negeri-Negeri Selat berpindah ke kawasan ini, serta membina rumah-rumah kedai yang pada ketika itu boleh dianggap sebagai bertaraf mewah. Anda juga akan

menemui kedai berwarna biru di sebelah kanan, beralamat No. 120 Lebuh Armenian, yang dibina pada tahun 1870-an. Pemilik pertama kedai ini ialah seorang Cina Negeri-Negeri Selat bernama Cheah Joo Seang, seorang pemegang amanah Kongsi Cheah. Kedai ini masih mengekalkan hiasan ruang dalamannya yang menonjolkan pengadag kayu serta salur udara berukir.

Pada tahun 1909-1911, tempat ini merupakan Markas Dr Sun Yat Sen, pemimpin Revolusi China yang terkenal. Selain daripada itu ia juga merupakan ibu pejabat parti Tung Meng Hooi cawangan Asia Tenggara. Penduduk Cina tempatan ketika itu menyokong perjuangan Dr Sun Yat Sen yang menentang kerajaan Manchu dan imperialis asing secara besar-besaran di China. Pada tahun 1911, China menjadi Republik yang pertama di Asia dan Dr Sun Yat Sen menjadi presiden semmentaranya yang pertama.



8 Kediaman Syed Alatas

Terus ke hadapan menghala ke Lebuh Armenian dan Lebuh Acheh. Di sebelah kiri anda adalah sebuah banglo dua tingkat yang bertembok. Inilah kediaman Syed Alatas yang dibaik-pulih pada tahun 1993 dengan bantuan teknikal dari kerajaan Perancis melalui pembiayaan Kerajaan. Sebelum dibaik-pulih, banglo ini didiami oleh Ceti India yang menggunakan sebagai pusat pengumpulan barang-barang lama. Syed Mohd Alatas merupakan seorang pedagang

kaya berdagang di Pulau Pinang dan Acheh. Selepas Belanda menguasai Acheh pada awal 1870-an, beliau berusaha menyeludup senjata ke Acheh untuk membantu penduduk Acheh menentang penjajahan Belanda. Syed Mohd Alatas tinggal di sini bersama isterinya yang pertama berbangsa Melayu keturunan diraja. Isteri keduanya pula adalah anak perempuan kepada Khoo Tiah Poh, seorang kaum Cina Selat yang menjadi seorang pedagang lada hitam yang berjaya yang merupakan pemilik kapal dan ketua puak Khoo.

Lebuh Acheh

Dari sini anda boleh pusing ke kanan menuju ke Lebuh Acheh. Pada akhir abad ke-18 dan 19, jalan ini menjadi tumpuan pedagang Melayu dan Sumatra. Pedagang lada hitam berbangsa Arab dan Acheh dari Sumatra Utara seperti Syed Mohd Alatas menjadi pemimpin masyarakat ini. Pada zaman dahulu, ketika orang-orang Islam menggunakan kapal untuk perjalanan menunaikan fardhu haji, jalan ini merupakan pusat perstopan untuk menunaikan haji.

Bakal haji dari Sumatra-Utara, Siam-Selatan serta Semenanjung Utara berkumpul di sini. Di kawasan ini terdapat banyak ejen pelancongan, kedai, restoran dan rumah penginapan. Jemaah Haji saling berkenalan di antara satu sama lain, membeli belah serta hadir ke majlis-majlis keagamaan sementara menunggu kapal yang akan berlepas ke Mekah. Kini, masih terdapat beberapa buah kedai di hadapan masjid yang menjual buku-buku agama dan peralatan sembahyang.



9 Masjid Melayu Lebuh Acheh

Menara Masjid berbentuk segilapan menjadi mercu tanda pintu masuk ke Masjid Melayu Lebuh Acheh ini. Masjid ini terletak dalam sebuah kawasan luas dan dikelilingi oleh beberapa buah rumah berasingan yang dibina pada pertengahan kurun ke-19 dan jarang ditemui kini. Sekiranya anda berjalan mengelilingi masjid ini ke arah kiri, anda akan menemui sebuah makam di mana Tengku Syed Hussain, iaitu pengasas masjid ini dikuburkan.



10 Kongsi Khoo

Dari kawasan masjid teruskan perjalanan anda ke Lebuh Cannon. Nama jalan ini rupa-rupanya bersempena sebuah lubang akibat sebuah peluru meriam yang ditembak ke kawasan ini ketika meletusnya kekacauan Pulau Pinang dalam tahun 1867. Perang ini

meletus antara kongsi-kongsi gelap dan pihak British. Persatuan Cina Negeri-Negeri Selat dengan disertai oleh masyarakat Masjid Acheh membentuk sebuah pakatan menentang kemusnahan pendatang Cina yang baru dan jemaah Masjid Pintal Tali.

Di sebelah kiri anda, kelihatan sebaris rumah teres Negeri-Negeri Selat hasil gabungan binaan masyarakat tempatan sejak tahun 1930-an yang menyelitkan ciri-ciri bangunan di Shanghai. Di sebelah kanan pula barisan kedai yang dibina pada abad ke-19. Masuk ke bahagian tengah barisan ini anda akan menjumpai monumen bersejarah yang paling terkenal di Pulau Pinang iaitu Kongsi Khoo yang terletak di Medan Cannon. Anda akan berjalan melalui sebatang jalan yang dipagari oleh barisan rumah kedai yang didirikan pada pertengahan abad ke-19. Belok ke kanan dan anda akan melihat bangunan pejabat Kongsi Khoo yang baru dibaiki. Sebelum anda sampai ke Kongsi Khoo, bangunan yang indah ini merupakan contoh binaan Dinasti Ching.

Kongsi Khoo merupakan sebuah pertubuhan puak Leong San Tong (Dewan Naga Gunung). Puak ini keturunan puak kawasan Sin Kang di wilayah Hokkien. Puak Khoo adalah antara pedagang China Negeri-Negeri Selat yang kaya pada abad ke-17 di Melaka dan awal penubuhan Pulau Pinang. Dalam abad ke-19 kompleks puak ini menyempuki kumpulan puak kecil yang siap dengan pemerintahan sendiri, pendidikan, kewangan, kebajikan serta persatuan-persatuan sosial. Dibina dalam tahun 1906 apabila puak Khoo berada di puncak kejayaan serta kemasyhuran di kalangan masyarakat Pulau Pinang.



11 Kongsi Cheah

Seperti juga Kongsi Khoo dan Masjid Acheh, Kongsi Cheah terletak di sebuah kawasan luas yang pintu masuknya agak kecil. Masuk melalui pintu ini dan anda akan dikejutkan oleh sebuah tokong Cina dua tingkat yang menarik dengan anjung terbuka serta berbumbung rata, dihias dengan kepala singa British, didirikan di halaman kecil yang terjaga rapi. Tepat dihadapannya ialah bangunan pejabat pertubuhan yang diserikan oleh perhiasan dalamannya yang sangat menarik. Anda boleh meminta kebenaran untuk memasuki bangunan pejabat dan kuil ini waktu pejabat.

Perjalanan Seterusnya

Selepas melawat Kongsi Cheah, anda mempunyai beberapa pilihan. Anda boleh menghala kembali ke Kota Cornwallis dengan menaiki bas di perhentian bas di Lebuh Victoria atau meneruskan perjalanan ke Jati Cheah di Gat Lebuh Armenian.

PILIHAN 1

Dalam perjalanan pulang, anda boleh membelok ke kiri ke Lebuh Armenian dan ke kiri lagi ke Lebuh Pantai. Sekiranya anda terus ke utara hingga ke penghujung Lebuh Pantai, anda akan menemui Kota Cornwallis.

PILIHAN 2

Untuk sampai ke perhentian bas, anda perlu membelok ke kiri ke Lebuh Armenian. Dari situ belok ke kiri lagi ke Lebuh Victoria dan kemudian ke kanan ke Lebuh Chulia dan akhirnya anda akan sampai sekali lagi ke Lebuh Victoria dan situulah terletaklah perhentian bas. Di pertengahan jalan, anda akan menemui Balai Bomba Lebuh Pantai dan Kongsi Yeoh yang merupakan sebuah lagi persatuan puak Cina Negeri-Negeri Selat yang terletak di simpang Lebuh Chulia dan Lebuh Victoria.

PILIHAN 3


Untuk menuju ke jati-jeti puak Cina ini, sambungkan perjalanan ke timur menyusuri Lebuh Armenian dan Lebuh Armenian hingga anda sampai ke Pengkalan Weld di sepanjang persisiran pantai. Seterusnya anda perlu menyeberang jalan dan akan sampai ke Jati Chev. Penempatan jati ini dibina dengan tiangnya terpacak ke dalam laut dan rumahnya di permukaan dan didiami oleh keturunan puak yang sama.

Di sepanjang Pengkalan Weld terdapat enam buah jati kesemuanya. Di kalangan jati-jeti ini, Jati Chev merupakan yang paling menarik, yang ahli masyarakatnya terdiri daripada kanak-kanak, wanita, peniaga kecil, nelayan dan buruh kapal. Rumah mereka dibina dari kayu balak yang bertiang di dalam air dan beratap daun. Laluan mereka merupakan laluan kayu dan jati.

Menjejaki Rahsia

Jalan-Jalan Di George Town

- 1** Kota Cornwallis
- 2** Dewan Bandaraya
- 3** Dewan Bandaran
- 4** Bangunan Mahkamah
- 5** Muzium Negeri
- 6** Kongsi Yap
- 7** Markas Dr Sun Yat Sen Di Pulau Pinang
- 8** Kediaman Syed Alatas
- 9** Masjid Melayu Lebu Acheh
- 10** Kongsi Khoo
- 11** Kongsi Cheah



Pengenalan

Penang, Pulau Pinang atau Pulau Mutiara adalah di antara nama-nama yang dikenali bagi pulau ini. Ibu negerinya, George Town menyimpan berbagai rahsia warisan yang diimbangi melalui rekabentuk lama rumah kedai serta banglonya. Daya tarikan utama bandaraya ini terletak pada kemampuannya mengekalkan corak hidup serta masyarakat tradisinya.

Kesan menarik tinggalan sejarah di George Town ini boleh disaksikan oleh para pengunjung sekiranya mereka mengelilingi bandaraya ini secara berjalan kaki atau dengan menaiki beca. Bersiar-siar secara begini sambil menikmati pemandangan di sekeliling merupakan cara yang terbaik untuk anda mengenali dan menghargai keunikan binaan gedung perniagaan serta kedai kopi lama di bandaraya ini. Keindahan rekabentuk yang menggambarkan kehidupan masyarakat berbilang budaya mungkin tidak dapat dinikmati sepenuhnya oleh pengunjung yang meninjau suasana sekeliling menaiki bas pelancongan.

Di samping Kota Cornwallis serta beberapa tugu keagamaan yang terdapat di sepanjang Jalan Masjid Kapitan Keling yang sering dimasukkan dalam acara pakej lawatan bandaraya, beberapa lokasi istimewa dan menarik turut menjadi acara bersiar-siar untuk menjejaki warisan budaya bandaraya ini. Lokasi-lokasi tersebut khususnya yang terletak di Lebuh Armenian dan kawasan Lebuh Acheh membolehkan anda mengamati dan mendalami sejarah berbilang budaya masyarakat Pulau Pinang.

Perjalanan Jejak Warisan Pulau Pinang ini mengambil masa selama kira-kira satu setengah jam sekiranya anda melakukan perjalanan yang ringkas dan ia akan memakan masa selama tiga jam sekiranya anda mengamati setiap tarikan budaya yang anda temui di sepanjang perjalanan tersebut.

200 Tahun Sejarah Berbilang Budaya

Dahulu, Pulau Pinang merupakan sebahagian daripada negeri Kedah sehingga Francis Light mengasaskan pangkalan perdagangan British untuk Syarikat India Timur di pulau ini. Francis Light mendarat berhampiran Kota Cornwallis dan seterusnya menguasai pulau ini dalam tahun 1786. Beliau dikatakan telah merangsang penduduk untuk membersihkan kawasan hutan paya dengan menabur wang syiling ke hutan berpayah tersebut.

Francis Light telah merancang pusat perdagangan yang disempadankan oleh Lebuh Light, Lebuh Pantai, Jalan Masjid Kapitan Keling dan Lebuh Chulia ketika itu. Lebuh Pantai menganjur sepanjang pantai dan Jalan Masjid Kapitan Keling dikhaskan sebagai kawasan ibadat.

Ramai di kalangan tentera dan orang awam berbangsa Eropah tinggal di sepanjang Lebuh Light. Sementara penduduk Serani dari Kuala Kedah dan Phuket pula tinggal di sepanjang Lebuh Bishop dan Lebuh Gereja. Lebuh China pula menjadi tempat tinggal pilihan pedagang Cina Negeri-Negeri Selat dari Kedah dan Melaka. Sementara penduduk berbagai bangsa menetap di kawasan sekitar Lebuh Pasar. Para pedagang yang tiba awal dari India yang kebanyakannya beragama Islam, tinggal di sepanjang Lebuh Chulia.

Pada awal tahun 1800, dua jalan lagi dibina di bandaraya ini iaitu Lebuh Armenian bagi orang-orang Armenian dan Lebuh Acheh khas bagi penduduk berketurunan Acheh, Sumatera dan Melayu. Setiap kumpulan etnik mendiami satu jalan dengan satu kawasan berhadapan dengan pantai di sepanjang Lebuh Pantai. Walau bagaimanapun, Pulau Pinang berjaya dibangunkan sebagai sebuah negeri berbagai kaum tanpa sebarang pemecahan rasmi seperti di bandar-bandar kolonial yang lain seperti Singapura, Hong Kong dan Yokohama.

Pedagang dan penduduk yang datang dari Eropah, negara-negara Arab, India dan China ke pelabuhan Pulau Pinang. Ramai juga dari negeri-negeri lain - kepulauan Indonesia, Thailand dan Burma. Dalam tempoh hampir seratus tahun pertama sejarah Pulau Pinang, barang dagangan penting di rantau ini meliputi lada hitam dari pelabuhan Aceh, rempah ratus seperti cengkih dan buah pala yang dihasilkan oleh peladang tempatan serta kain dari India. Kemudian timah pula menjadi barangan penting sebelum getah menjadi ekspot utama.

Pulau Pinang masyhur sebagai sebuah destinasi pelancongan. Bekas jajahan British ini memang terkenal dengan kelazatan makanan yang tiada tolak bandingnya, rumah-rumah mewah, sekolah-sekolah terbaik, kawasan bersukan serta kawasan rekreasi yang paling menarik di rantau ini.

Anda akan terasa tenang mengenali Pulau Pinang. Bandaraya ini banyak mengandungi kisah-kisah yang mengasyikkan. Kehidupan harian masyarakatnya boleh dilihat ketika anda berjalan di kaki-kaki lima dan di jalan-jalan rayanya. Penduduk tempatan pada keseluruhannya amat ramah dan Bahasa Inggeris turut digunakan secara meluas di sini.

Masyarakat yang berasal dari bandaraya ini masih lagi memelihara loghat, pekerjaan, tradisi serta perayaan bercirikan peranan mereka. Selama 200 tahun, pengaruh berbagai kumpulan etnik ini telah meresap ke dalam kumpulan etnik lain dan dari ini telah melahirkan rekabentuk senibina dan corak hidup masyarakat yang unik. Kepelbagaian makanan yang dijaja di pinggir jalan juga menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat penjaja makanan yang terkenal di dunia.

Makanan Dan Kegiatan Membeli-Belah

Pulau Pinang menawarkan satu rangkaian membeli-belah yang amat luas. Oleh yang demikian, cara terbaik untuk membeli-belah ialah dengan mengikut laluan jejak warisan ini. Kebanyakan kedai antik dan cenderamata terdapat di sepanjang Jalan Penang (berhampiran Hotel E & O), Lebu Chulia, Jalan Masjid Kapitan Keling dan Lebu Bishop. Di sepanjang Lebu Chulia anda akan bertemu dengan kedai membuat bidai kayu dan barangan perabot rotan dan juga hotel murah, kafe siber, pub, pakaian etnik dan cenderamata khususnya untuk pelancong-pelancong kembara. Di sepanjang Lebu Capmbell terdapat kedai ubat tradisional Cina, kedai beg, kasut, barangan kulit dan pakaian.

Sekiranya anda ingin mencari sesuatu yang istimewa, anda boleh memilih minyak wangi campuran istimewa Badjenid & Sons di simpang Lebu Chulia dan Lebu Pantai. Kedai ini telah dikendalikan oleh tiga generasi pedagang keturunan Yaman.

Disepanjang Jalan Masjid Kapitan Keling, anda akan bertemu dengan kedai barang kemas dan pegurup wang India Muslim.

Bahagian lama Pulau Pinang amat terkenal dengan masakan India muslim dan anda boleh menikmati juadah makan tengahari di Lebu Union dan Lebu Bishop. Terdapat juga beberapa pusat penjaja yang menawarkan berbagai jenis makanan etnik. Dua daripadanya menjual makanan Melayu iaitu pusat penjaja di sebelah Kota Cornwallis dan yang termasyhur sekali iaitu berhampiran Esplanade, terutama pada lewat petang dan malam. Di sepanjang Lebu Pasar anda akan mendapati warung menjual makanan India yang sentiasa sibuk terutama di waktu pagi dan malam. Bagi mereka yang tidak makan daging boleh memilih makanan India atau makanan vegetarian Cina. Bagi penggemar makanan Cina mereka boleh menjamu selera di sepanjang Lebu Union, Jalan Masjid Kapitan Keling, Lebu Pantai atau Lebu China. 100 Lebu Cintra dan 'The Garage' mempunyai kedai-kedai menarik yang terletak di premis warisan yang dipulihara.



DITAJA OLEH AMERICAN EXPRESS COMPANY

Untuk Maklumat Selanjutnya Sila Hubungi:

American Express (M) Sdn Bhd
Menara Weld, Tingkat 18, Jalan Raja Chulan,
50200 Kuala Lumpur
atau
Penang Heritage Trust
Tel/Fax: 04-2642631
26A, Lorong Stewart, 10200 Penang.
Email: phtrust@po.jaring.my
Website: <http://www.pht.org.my>

